

Pemandangan sekitar Bandaraya Johor Bahru tidak dapat dilihat jelas akibat jerebu. (Foto Mohd Azren Jamaludin/BH)

IPU di Muar, Tangkak cecah 208

211 sekolah di dua daerah ditutup akibat jerebu

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof, Zanariah Abd Mutalib, Amin Ridzuan Ishak, Norrasyidah Arshad, Suhaila Shahrul Annuar dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebanyak 129 sekolah di Muar dan 82 di Tangkak ditutup hari ini berikutan jerebu. Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kedua-dua daerah itu mencecah 208 sehingga jam 5 petang semalam.

Pengarah Pendidikan Johor, Azman Adnan, berkata arahan penutupan sesi persekolahan itu adalah berdasarkan pekeling Kementerian Pendidikan dan garis panduan menangani jerebu kebangsaan serta atas nasihat dan perbincangan dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor serta Pejabat Daerah Muar dan Tangkak.

Katanya, Surat Siaran Kementerian Pendidikan juga sudah menyatakan jika bacaan IPU melebihi 200, maka semua sekolah di kawasan atau daerah berkenaan hendaklah ditutup serta-merta.

"Bagaimanapun, pengetua dan guru besar serta guru, akan hadir bertugas di sekolah seperti biasa dan membuat tugas sewajarnya, selaras dengan Surat Siaran KPM Bil 8/2016: Garis Panduan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran Akibat Bencana," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Azman berkata, status penutupan sekolah itu juga akan diputuskan berdasarkan pemantauan kualiti udara pada setiap masa untuk tindakan susulan jabatan ini dan sekolah di dua daerah berkenaan.

Daripada 129 sekolah di Muar, 104 adalah sekolah rendah membabitkan 22,309 murid, manakala 25 lagi sekolah menengah dengan jumlah 19,056 murid.

"Tangkak pula membabitkan 66 sekolah rendah dengan 11,986 murid, manakala 16 lagi adalah sekolah menengah dengan jumlah pelajar seramai 10,658," katanya.

Tangkak menjadi satu-satunya daerah di negeri ini yang mencatatkan IPU tertinggi, iaitu dalam kategori sangat tidak sihat dengan bacaan 211 pada jam 1 tengah hari semalam.

Sementara itu, hujan di beberapa kawasan di negara ini sejak malam kelmarin mengurangkan sedikit kesan jerebu di Semenanjung.

Bagaimanapun, keadaan itu dijangka sementara selagi kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera, Indonesia belum dipadamkan.

Ketua Pengarah Meteorologi Malaysia, Jallan Simon, berkata beberapa kawasan sudah menunjukkan perkembangan positif surulan hujan antaranya di Johor Setia Klang, Selangor yang bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) menunjukkan penurunan kepada 147 sehingga jam 4 petang semalam berbanding 300 kelmarin pada kadar sangat tidak sihat.

"Keadaan jerebu di Malaysia berpunca akibat kebakaran hutan di Indonesia, di Malaysia jumlahnya (kebakaran hutan) terlalu sedikit, iaitu kurang 10 titik panas di Utara dan Tengah Sarawak yang tidak menyebabkan jerebu," katanya ketika dihubungi semalam.

Tiga stesen mencatatkan IPU sangat tidak sihat, iaitu Tangkak, Johor (207) dan dua lokasi di Sarawak, iaitu Samarahan (205) serta Kuching (224) sehingga jam 4 petang semalam manakala 31 stesen mencatatkan IPU tidak sihat.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya menyarankan semua aktiviti fizikal luar bangunan ditangguhkan jika



Pemancing berlatarbelakangkan Jambatan Kedua Muar berikutan jerebu mencatatkan IPU sangat tidak sihat di Tanjung Agas, Tangkak. (Foto Adi Safr/BH)

Surat Siaran Kementerian Pendidikan juga menyatakan jika bacaan IPU melebihi 200, maka semua sekolah di kawasan atau daerah berkenaan ditutup serta-merta.

Azman Adnan, Pengarah Pendidikan Johor

IPU melebihi 100 berdasarkan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan 2019.

"Kadar pernafasan akan meningkat ketika aktiviti lasak menyebabkan kuantiti udara disedut turut bertambah berbanding ketika rehat, ia mengakibatkan jumlah udara tercemar lebih banyak disedut masuk dalam sistem pernafasan.

"Sekiranya acara diteruskan penganjur, peserta disarankan menggunakan penutup hidung dan mulut

walaupun penggunaannya tidak menjamin mengurangkan pendedahan kepada jerebu selain menyukarkan bernafas," katanya.

Beliau berkata, penonton pula dinasihatkan memakai penutup hidung dan mulut, memendekkan tempoh berada di luar bangunan dan tidak membawa kanak-kanak bagi menonton acara sukan terbabit.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, pula berkata Indonesia mempunyai kuasa penuh untuk menguatkuasakan undang-undang di negara mereka berhubung pihak yang terbabit dengan pembakaran hutan.

Katanya, ASEAN belum mempunyai sebarang akta berkaitan jerebu rentas sempadan justeru segala penguatkuasaan undang-undang perlu berdasarkan kepada negara berkenaan.

"Berdasarkan laporan yang saya baca, ada banyak lagi syarikat iaitu kira-kira 30 syarikat termasuk dari negara berkenaan (yang didakwa ada kaitan dengan kebakaran hutan di Indonesia)," katanya pada sidang media.

Pada masa sama, katanya, Ten-

tera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Jabatan Meteorologi sedang bersiap siaga untuk melaksanakan pembenihan awan.

"Apabila sesuai kita akan buat pembenihan awan tetapi ia hanya bersifat sementara kerana yang paling penting ialah memadam kebakaran di sana (Indonesia).

Di Klang, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dr K Nagulendran, berkata kerajaan memberi fokus kepada pembakaran terbuka di setiap kawasan bagi mengatasi masalah jerebu yang sedang melanda negara.

Katanya, fokus berkenaan dibuat supaya tindakan pantas dapat dilakukan dengan kadar segera sekali gus mengelakkan situasi jerebu menjadi lebih teruk.

"Mereka didapati bersalah (melakukan pembakaran terbuka) boleh didenda RM500,000 dan penjara sehingga lima tahun," katanya ketika ditemui selepas melawat sekitar Johor Setia, semalam.

"Kita juga sudah mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah berhubung perkara ini," katanya.